



# Serangan Seksual

## Di Australia, menyerang seseorang secara seksual menyalahi undang-undang.

Seseorang yang melakukan serangan seksual boleh dijatuhkan hukuman penjara, tidak kira sama ada mereka lelaki mahupun wanita.

Sekiranya anda atau anda mengenali sesiapa yang berada dalam bahaya, hubungi pihak polis di talian **000**.

*Pihak Polis di Australia adalah selamat dan boleh dipercayai.*

Untuk mendapatkan maklumat dan kaunseling sulit secara percuma, hubungi 1800 RESPECT di talian **1800 737 732**.

Jika anda memerlukan khidmat penterjemah secara percuma, sila hubungi **131 450**.

## Kerajaan Australia (*Australian Government*) tidak bertolak ansur terhadap serangan seksual dalam apa jua keadaan.

Serangan seksual ditujukan kepada orang lain tanpa keizinan mereka.

Serangan seksual boleh merangkumi:

- memaksa seseorang melakukan hubungan seks atau perbuatan seksual;
- memaksa seseorang menonton pornografi, atau
- mengadakan hubungan seks atau melakukan perbuatan seksual dengan kanak-kanak.

Serangan seksual terhadap pasangan, suami atau isteri atau ahli keluarga juga menyalahi undang-undang.

## Wanita mempunyai hak yang sama seperti lelaki.

Undang-undang negara Australia melayan kaum wanita dan lelaki secara saksama.

Semua orang berhak untuk hidup bebas daripada keganasan, dalam perhubungan dan komuniti yang sejahtera.

Wanita tidak perlu menerima layanan yang buruk atau terdedah kepada bahaya.

## Di Australia terdapat perkhidmatan peka budaya yang dapat membantu.

**1800 RESPECT** ialah perkhidmatan Kaunseling bagi Serangan Seksual dan Keganasan Keluarga dan Rumah Tangga Kebangsaan Australia (*Australia's National Sexual Assault, Family and Domestic Violence Counselling service*). Ia menyediakan maklumat dan kaunseling sulit, secara percuma melalui telefon dan juga dalam talian. Kaunselor akan mendengar masalah anda, menjawab soalan dan boleh merujuk anda kepada perkhidmatan sokongan di kawasan tempatan anda.

Hubungi talian **1800 737 732** atau kunjungi laman web 1800 RESPECT [www.1800RESPECT.org.au](http://www.1800RESPECT.org.au).

## Adakah anda memerlukan khidmat seorang jurubahasa?

Hubungi **Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa (*Translating and Interpreting Service - TIS*)** secara percuma di **131 450**. TIS dapat membantu anda berkomunikasi dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain. TIS tidak menyediakan perkhidmatan kaunseling.